

UMS libatkan diri dalam penyelidikan spesies durian

► *Jalin kerjasama dengan Syarikat Yun Fook Resources Sdn Bhd*


Oleh YAP SIONG HAN

KOTA KINABALU: Universiti Malaysia Sabah (UMS) berhasrat untuk memainkan peranan dalam mengumpul varieti dan spesies durian yang ada di negeri ini dengan tujuan penyelidikan serta pembangunan ekonomi.

Naib Canselor UMS Profesor Datuk Dr D Kamarudin D Mudin berkata, UMS yang meletakkan pemuliharaan biodiversiti sebagai salah satu penekanannya, kini merealisasikan kerjasama di antara UMS dan Syarikat Yun Fook Resources Sdn Bhd untuk Projek Kebun Penyelidikan Durian.

“Seiring dengan perkembangan kebun ini, UMS turut menubuhkan pasukan penyelidikannya untuk menumpukan kepada penyelidikan durian.

“Ini termasuklah penyelidikan terhadap kesesuaian spesies liar sebagai pokok penanti, pendebungaan serta kajian agronomi buah durian,” katanya dalam Majlis Menandatangani Memorandum Perjanjian (MoA) di antara UMS dan Syarikat Yun Fook Resources,



KAMARUDIN (dua kiri) bertukar dokumen MoA dengan Yap dalam majlis itu.

di sini pada Selasa.

Beliau berkata, durian ialah pokok saka dan boleh tumbuh menjadipohon yang lebih besar. Di hutan, pohon durian sama besarnya dengan kayu balak komersil yang lain dan berusia berpuluh-puluh tahun.

Oleh itu, katanya, Kebun Penyelidikan Durian di UMS adalah projek jangka panjang.

“Kita boleh melihat hasil projek ini dalam pelbagai

bentuk. Selain penghasilan buah durian, projek ini boleh menghasilkan bibit durian di samping ilmu pengetahuan baharu berkaitan penghasilan bahan tanaman.

“Selain itu, projek ini juga menghasilkan teknik aruhan dan proses semula jadi pendebungaan, termasuklah kajian berkaitan peranan haiwan dan serangga di dalam menambah baik kualiti pokok

serta hasil durian,” katanya.

Dalam pada itu, Kamarudin berterima kasih kepada Pengarah Syarikat Yun Fook Resources Datuk Yap Yun Fook kerana melalui kerjasama itu, beliau telah membina dua rumah burung walit di Fakulti Pertanian Lestari (FPL) UMS Sandakan.

“Satu rumah kos rendah bernilai RM20,000 dan satu lagi gudang walit tiga tingkat dengan

“Kita boleh melihat hasil projek ini dalam pelbagai bentuk. Selain penghasilan buah durian, projek ini boleh menghasilkan bibit durian di samping ilmu pengetahuan baharu berkaitan penghasilan bahan tanaman.”

DATUK DR D KAMARUDIN D MUDIN

Naib Canselor UMS Profesor

kos binaan RM250,000.

“Kerjasama seperti ini memberikan faedah besar kepada pelajar kerana mereka tidak perlu pergi jauh untuk mempelajari industri yang sedang berkembang ini.

“Apabila bergraduasi nanti, mereka boleh menceburi bidang ternakan ini sebagai sumber pendapatan tambahan,” katanya.

Hadir sama ialah Pengerusi Lembaga Pengarah UMS KY Mustafa.